

## **Anjing Pembawa Virus Rabies: Signifikan dan Metode Interaksi Berasaskan *Fiqh Al-Hadith***

\*Mohd Farhan Md Ariffin<sup>1</sup>, Khadher Ahmad<sup>1</sup>, Muhammad Ikhlas Rosele<sup>2</sup>, Syamsul Azizul Marinsah<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan al-Qur'an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

<sup>2</sup>Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), 50603 Kuala Lumpur

*al.muqarrobiin@gmail.com*

### Abstrak

Rabies (penyakit anjing gila) kembali membangkitkan keresahan dalam kalangan rakyat Malaysia pada Ogos 2015 setelah kali terakhir direkodkan pada tahun 1999. Penularan wabak bawaan anjing ini menjangkiti manusia melalui luka gigitan, luka pada kulit yang terdedah kepada air liur, cairan dan tisu tubuh dari haiwan dijangkiti. Kini semua agensi berkaitan telah dikerahkan bagi tujuan kawalan wabak. Pelbagai tindakan kawalan yang difikirkan wajar telah mula dilaksanakan di peringkat negeri dan kawasan, termasuk menghapus dan melupuskan anjing yang telah dijangkiti. Signifikannya, Nabi SAW telah membincangkan mengenai bahaya dan ancaman kelompok haiwan perosak termasuk anjing dalam himpunan sabda baginda SAW. Justeru, makalah ini berusaha mengupas fiqh al-Hadith berkenaan anjing yang didapati daripada perbincangan ulama' terdahulu dan kontemporari. Ini penting bagi memberi panduan kepada masyarakat akan mudharat yang mampu dijelmakan haiwan tertentu dan teknik kawalan paling berkesan menurut sunnah Nabi SAW tanpa meminggirkan hak-hak eksklusif haiwan.

Kata Kunci: Anjing; Kronologi Rabies; Bahaya; Haiwan Perosak; Kaedah Berinteraksi

### Abstract

Rabies (hydrophobia) again raised concerns among Malaysians in August 2015 after last time recorded in 1999. The contagion of epidemic carried by dog infected people through the bite wound, cuts on the skin that exposed to saliva, body fluids and body tissues of infected animals. Now, all the related agencies have been deployed for the purpose of outbreak control. Various control measures deemed appropriate has been implemented at the state and district level, including removing and disposing of infected dogs. Significantly, the Prophet SAW had discussed about the danger and threat posed by pests including dog in his set saying. Thus, this paper attempts to analyze the fiqh al-Hadith regarding dogs found in the discussion of past and contemporary scholars. It is important to provide guidance to the public regarding harm that able to be incarnated by particular animal and the most effective control technique according to the Prophetic tradition, without leaving out animal exclusive rights.

Keywords: Dog; Rabies Chronology; Danger; Pest; Interaction Rule

### **Pengenalan**

Anjing merupakan haiwan berkaki empat yang kasar dan kuat. Menurut istilah bahasa Arab, ia dipanggil (الكلب) (Ibn Manzur, 2003; al-Fayruz Abadi, 1998) manakala dalam bahasa Inggeris, ia dikenal sebagai “an animal that many people keep as a pet, or for working on farms, hunting and so on” (Dr. Keith Brown, *et al.* 2007).

### *Ciri-Ciri Biologi Anjing*

Anjing merupakan haiwan mamalia karnivor. Ia telah dipelihara sejak 12,000 tahun lalu atau mungkin sejak 150 000 berasaskan bukti-bukti genetik sedia ada (Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, 2011). Anjing berasal dari keluarga yang sama dengan serigala, *coyote* dan musang. Ia boleh ditemui di

seluruh pelusuk dunia samada di kawasan bandar, kampung dan hutan.

Anjing memiliki rupa umum yang mudah dikenal iaitu bertubuh tegap berotot, badan dan ekor berbulu, berkaki empat, lidah terjelir dan telinga besar (Anne Hillyard, *et al.* 2001). Dari segi warna, terdapat pelbagai variasi warna anjing dari hitam ke putih, merah, kelabu dan perang. Anjing memiliki rahang kuat digunakan bagi menggigit, membunuh dan mencaricirikan makanan.

Indera penglihatan, pendengaran dan deria bau anjing amat hebat. Matanya amat sensitif pada cahaya dan pergerakan. Anjing mampu mendengar bunyi berfrekuensi serendah 16 Hz hingga 70 KHz jika dibandingkan dengan manusia yang hanya boleh mendengar bunyi berfrekuensi serendah 20 Hz hingga 20 KHz. Ini menjadikan anjing mampu mendengar suara empat kali lebih jauh dari manusia.

Dilengkapi telinga besar berotot, boleh digerakkan serta efisien terhadap bunyi, ditambah 220 juta sel yang amat sensitif terhadap bau telah membentuk anjing sebagai pemangsa dan haiwan unggul.

#### *Spesies Anjing*

Anjing terdiri dari pelbagai spesies, antaranya baka jenis arau (anjing berbelang hitam putih), anjing liar (anjing yang hidup liar dalam hutan), anjing koreng (anjing bergaris kuning hitam), anjing nibong (anjing berwarna kuning kekelabuan). Termasuk kategori anjing ialah serigala (anjing yang berkeliaran secara berkumpulan dalam hutan) (Teuku Iskandar, *et al.* 1970).

Di luar negara, baka anjing yang popular ialah jenis 'Akita' (*akita amerika atau akita jepun*), 'American Pitt Bull Terrier', 'Fila Brasileiro' (*brazilian Mastiff*), 'Dogo Argentino' (*argentinian Mastiff*), 'Tibetan Mastiff', 'American Bulldog', 'Kai' (*korean dog*), 'Mallinois' (*laeknois*), 'Rafeiro Do Alentejo' (*porteguese watchdogs*) dan 'American Staffordshire Bull Terrier' (Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, 2011).

#### *Tabiat Anjing*

Anjing terkenal dengan sifat bengis dan ganas. Ia akan bertindak balas apabila merasa terancam atau tercabar. Anjing merupakan haiwan yang suka bersosial dan pemburu berkelompok. Sifatnya yang suka bermain, mudah dilatih dan beradaptasi dalam semua persekitaran menjadikannya penting kepada manusia. Oleh itu, kebiasaannya anjing dijadikan teman sehinggakan digelar "*teman terbaik manusia*" (Ruth Berman, *t.t.*)

Kini, anjing menjadi haiwan peliharaan paling popular terutamanya bagi masyarakat Eropah. Anjing

bermanfaat untuk menjaga kediaman dan memburu. Hal ini kerana anjing dikurniakan pelbagai kelebihan seperti dapat mencari jejak, mencium bau, tidur tidak pernah nyenyak, dapat menjaga sesuatu benda dan pintar. Ia dapat menerima ajaran yang tidak dapat dipelajari haiwan lain (Marion Nestle, Malden C. Nesheim, 2010).

#### **Kronologi Rabies (Penyakit Anjing Gila) di Malaysia**

Penyakit *Rabies* merupakan penyakit *zoonotik* disebabkan virus "*Lyssavirus*" (yang boleh menjangkiti manusia daripada anjing). Virus ini boleh menjangkiti manusia melalui luka gigitan, luka di kulit manusia yang terdedah kepada air liur, cairan atau tisu tubuh dari haiwan dijangkiti. Tempoh inkubasi penyakit ini antara 15 hari hingga enam bulan (Status Wabak Kes Penyakit *Rabies* Di Perlis, Kedah & Pulau Pinang, *Mynewshub.cc*, 18 September 2015).

Diagnosis klinikal penyakit ini melalui pemerhatian tanda-tanda klinikal serta sejarah pendedahan virus (*virus exposure*) pada anjing. Antara tanda-tanda klinikal pada anjing yang perlu diperhatikan termasuk perubahan kelakuan samada agresif (menyerang objek bergerak seperti manusia dan haiwan lain) atau monyok/dungu, lumpuh (*paralysis*) dan berakhir dengan kematian. Diagnosis pengesahan boleh dilakukan melalui ujian *Direct Fluorescent Antibody Test* (Ujian Pengesanan Antibodi) dan *Polymerase Chain Reaction* (PCR - Ujian Pengesanan Antigen).

Kes terakhir jangkitan *Rabies* pada manusia di Malaysia adalah pada tahun 1999 manakala jangkitan pada anjing pada 2009. Malaysia telah mendapat status bebas penyakit *Rabies* daripada OIE (*Office International des Epizooties / Pertubuhan Kesihatan Haiwan Sedunia*) dan WHO (*Pertubuhan Kesihatan Sedunia*) pada tahun 2012 (Penyakit Anjing Gila Masih Terkawal, *Mynewshub.cc*, 23 September 2015).

#### *Kes Rabies di Negeri Perlis*

Kes terbaru *Rabies* di Malaysia disahkan pada 17 Ogos 2015 di negeri Perlis. Seekor anjing telah menggigit tuannya pada 27 Julai 2015 di Felcra Lubuk Sireh, Kaki Bukit dan dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Haiwan Negeri Perlis (DVS) pada 28 Julai 2015. DVS Perlis telah mengambil tindakan dengan mengarahkan anjing tersebut dikuarantin serta dilakukan pemantauan harian. Pada 30 Julai 2015 (hari kedua dikuarantin), anjing tersebut telah mati dan sampel otak anjing tersebut telah dihantar ke Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) Ipoh bagi tujuan pengesahan diagnosis. Pada 17 Ogos 2015, VRI telah mengesahkan jangkitan

virus *Rabies* pada anjing tersebut.

Justeru, pewartaan sebagai kawasan wabak penyakit *Rabies* di Perlis telah dibuat oleh Kerajaan Negeri pada 19 Ogos 2015. Sehingga 10 September 2015, penyakit ini telah merebak ke beberapa kawasan termasuk Kubang Tiga, Panggas Besar, Guar Nangka dan Pauh.

#### *Kes Rabies di Negeri Kedah*

DVS Negeri Kedah telah menjalankan *survey* dan pengambilan sampel pada hujung Ogos 2015 di daerah Kubang Pasu dan Kota Setar melalui pemusnahan anjing terbiar dan liar dalam langkah kawalan dan pecegahan penyakit *Rabies*,

Pada 13 September 2015, VRI memaklumkan kes positif *Rabies* terhadap sampel dari Negeri Kedah. Sementara itu, dilaporkan 18 kes gigitan anjing pada manusia sehingga 20 September 2015 dengan dua daripadanya melibatkan anjing gila. Pengarah Jabatan Kesihatan Kedah, Dr. Norhizan Ismail berkata ia membabitkan 17 ekor anjing dengan dua kes berlaku di Kota Setar, Kuala Muda (tiga), Kulim (tiga), Kubang Pasu (enam), Padang Terap (satu), Bandar Baharu (satu) dan Langkawi (dua) (Kedah Catat 18 Kes Gigitan, 2 Babit Anjing Gila, *Mynewshub.cc*, 22 September 2015).

Hanya seekor anjing sahaja dapat ditangkap daripada 5 kes dan ujian ke atas sampel anjing tersebut mengesahkan kewujudan *Rabies*. Setakat ini, 17 sampel daripada anjing terbiar dan liar telah didapati positif *Rabies*. Pewartaan bagi Perintah Kawasan Jangkitan Anjing Gila dan Perintah Suntikan Pencegahan Anjing Gila telah diwartakan pada 18 September 2015 untuk keseluruhan negeri Kedah.

#### *Kes Rabies di Negeri Pulau Pinang*

Kes berikutnya di Pulau Pinang, seorang kanak-kanak digigit anjing di Balik Pulau dan sampel telah diambil dan disahkan positif bagi penyakit *Rabies* pada 16 September 2015.

Operasi kawalan dan pencegahan penyakit *Rabies* dimulakan sebaik sahaja pewartaan sebagai kawasan wabak penyakit *Rabies* dibuat Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa antara agensi (KKM, PBT, Daerah, Negeri dan lain-lain agensi berkaitan) telah diaktifkan untuk memberi kerjasama dengan pihak DVS dalam menangani wabak *Rabies*.

#### *Tindakan Kawalan Wabak Rabies*

Jabatan Perkhidmatan Veterinar telah mengambil langkah strategik kawalan dan pencegahan penyakit *Rabies* khususnya di tiga negeri yang disahkan wabak *Rabies*.

Antara tindakan utama yang dilaksanakan adalah kawalan pemusnahan dan persampelan anjing terbiar/liar atau tidak bertuan; mempertingkatkan kempen kesedaran awam supaya anjing perlu divaksinasi dan dilesenkan khususnya di kawasan zon penampakan sekitar jarak 30 km dari sempadan negara Thailand (*Immune-Belt*); anjing yang bertuan dinasihatkan mengurung/mengawal anjing dari terdedah kepada anjing liar; kawalan pemindahan serta kawalan import.

Pada masa sama, Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya memberi jaminan bahawa rakyat Malaysia tidak perlu bimbang kerana setiap hospital di negeri terlibat telah dibekalkan sejenis serum iaitu "*immunoglobulin*" secukupnya yang akan memberi mangsa antibodi melawan virus anjing gila (Penyakit Anjing Gila Masih Terkawal-Dr Hilmi, *Mynewshub.cc*, 23 September 2015).

#### **Signifikan Nas Yang Menyebutkan Anjing Sebagai Haiwan Fasiq**

Nabi Muhammad SAW ada memperingatkan akan bahaya haiwan tertentu melalui sabda baginda SAW sejak ribuan tahun dahulu. Perkara ini menjadi dasar perbincangan apabila memperkatakan mengenai kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) dalam Islam. Sabda Nabi SAW;

Terjemahan: Dirwayatkan daripada Saidatina 'A'ishah RA, Nabi SAW pernah bersabda: "*Lima (jenis) haiwan yang fasiq dan boleh dibunuh walaupun di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak dan anjing lia.*" [Hadith riwayat al-Bukhari]

Lafaz "*haiwan fasiq*" dalam hadith di atas bermaksud haiwan perosak, liar, buas, jahat, pengganggu, penceroboh dan berbahaya kepada manusia (Ibn Manzur, 2003). Haiwan dalam hadith merujuk kepada lima jenis haiwan perosak utama, iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing liar. Namun, ia tidak terhad pada lima haiwan tersebut. Nabi SAW turut menyebutkan ular dan cicak dalam riwayat lain (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

#### *Fasiq Dan Signifikannya Kepada Haiwan*

Penggunaan "*fasiq*" bagi manusia bermakna keluarnya seseorang dari jalan ketaatan kepada Allah SWT dan banyak melakukan maksiat. Manusia fasiq disebut sebagai "*al-'Asi*" (Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, *t.t.*). Manakala penggunaan "*fasiq*" pada haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian haiwan disebabkan sifatnya

yang membawa datang kemudaran, kehinaan dan kemusnahan kepada manusia (Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, 2001).

Berkaitan istilah [الذواب] iaitu haiwan melata, para ulama bersepakat penggunaan istilah tersebut dalam hadith tidak terhad kepada haiwan darat bahkan meliputi kalangan burung yang terbang di awan. Ini berdasarkan keumuman firman Allah SWT;

Terjemahan: *“Dan tiadalah sesuatupun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Lauh Mahfuz) yang nyata. [Surah Hud (11): 6]”*

Ketujuh-tujuh haiwan fasiq tersebut kesemua memiliki sifat zalim yang boleh mengancam kesejahteraan hidup (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968).

Berkenaan jumlah sebenar haiwan yang disifatkan sebagai haiwan fasiq, Imam al-Suyuti telah menyatakan bahawa lima jenis haiwan fasiq yang utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing sebagaimana diriwayatkan daripada Ibn 'Umar RA tidak bermaksud ianya khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Ia hanya merupakan salah satu bentuk *i'tibar* (contoh) dalam menyatakan jenis haiwan fasiq dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima jenis haiwan itu sahaja.

Kemungkinan Nabi SAW menyebutkan kelima-lima jenis haiwan ialah pada mulanya dan kemudiannya baginda SAW menyebutkan selepas itu jenis-jenis haiwan yang lain yang sama hukum fasiqnya dengan lima haiwan yang utama. Maka, bilangan “lima” haiwan fasiq ini tidaklah tetap.

Turut dinyatakan dalam sebahagian riwayat 'A'ishah RA dengan lafaz “empat” dan juga “enam”. Adapun hadith yang menyatakan “empat” jenis haiwan fasiq yang dikeluarkan oleh Imam Muslim riwayat al-Qasim dari 'A'ishah RA dengan tidak menyebutkan gagak. Manakala “enam” jenis haiwan fasiq sebagaimana dinyatakan Imam Muslim riwayat dari Abu 'Uwanah dari 'A'ishah RA pula ditambah ular.

Dalam hadith riwayat Abu Sa'id al-Khudri RA pula, disebutkan sebanyak “tujuh” jenis haiwan fasiq dengan tambahan “al-Sab'u al-'Adi” iaitu haiwan buas yang biasa secara adatnya memusuhi manusia.

Selain itu, dalam hadith riwayat Abu Hurayrah RA yang dikeluarkan oleh Ibn Khuzaymah, ada dinyatakan harimau dan serigala yang menjadikan “sembilan” haiwan fasiq. Hadith ini juga turut dikeluarkan oleh Ibn Abu Shaibah, Sa'id bin Mansur dan Abu Dawud dari jalan Sa'id bin Musayyib.

Namun begitu, berkenaan empat, lima, enam, tujuh dan sembilan jenis haiwan fasiq, hanya untuk menunjukkan persepakatan ulama tentang ‘illah sifat haiwan tersebut iaitu “menyakiti” (*‘aqur*), “tidak bermanfaat” dan “suka berbuat kerosakan” pada manusia (Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, 2001; Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr al-Qurtubi, 2006; 'Ali bin Adam bin Musa al-Itiyubi al-Wallawi, *t.t.*).

Dalam bahasa mudahnya, ia bermaksud “haiwan perosak” iaitu haiwan-haiwan yang melanggar sunnatullah sebagai makhluk yang sepatutnya tunduk kepada pemerintahan manusia sebagai khalifah Allah SWT dan menambah kemusnahan di muka bumi (Abu 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Sanusi al-Hasani, *t.t.*).

Perkaitan tikus, cicak dan haiwan lain yang dinamakan Nabi SAW sebagai fasiq, hanya sebagai satu bentuk perumpamaan (*isti'arah*) kepada aspek kemudaran yang dibawa oleh haiwan-haiwan berikut (Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, *t.t.*). Imam Ibn Daqiq al-'Aid ada menyatakan;

*“Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat ‘mengganggu (menyakiti manusia)’ merupakan pandangan yang kuat menurut ulama qias. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kelompok haiwan tertentu, kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas”* (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Justeru, faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah fasiq amat berkaitan dengan sifat “mengganggu”, “mendatangkan mudarat,” dan “melampaui batas” haiwan-haiwan tertentu kepada manusia. Imam al-Nawawi ada menyatakan bahawa haiwan-haiwan tertentu digelar fasiq oleh kerana keluarnya hanya mengganggu dan membuat kerosakan di jalan yang biasa dilalui haiwan tunggangan (Yahya bin Sharf Al-Nawawi, 1930).

### Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak

Menurut *Kamus Dewan*, haiwan perosak bermaksud haiwan yang merosak dan memusnahkan sesuatu benda misalnya tanaman dan harta benda manusia. Haiwan perosak juga bererti haiwan yang jahat. Manusia seperti golongan petani tidak suka dengan haiwan perosak dan ia dibunuh melalui penggunaan racun (*Kamus Dewan Online*, 20 September 2013). Melihatkan kepada takrifan secara asas, definisi haiwan perosak adalah sama dengan haiwan fasiq.

Namun, takrifan haiwan perosak dalam Islam lebih meluas. Para ulama menggunakan istilah haiwan fasiq kerana ada dinyatakan Nabi Muhammad SAW. Kelompok haiwan fasiq tidak terhad kepada haiwan yang disebutkan dalam riwayat sahaja, (iaitu tikus, kala jengking, gagak, helang, cicak, ular dan anjing).

Mereka turut memasukkan spesies haiwan lain seperti lipan, serigala dan harimau malah semua haiwan yang bersifat memusuhi manusia atau haiwan ternakan, menjejaskan kesihatan atau hasil tanaman dalam kategori "*haiwan fasiq*". Pendapat ini disokong oleh para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Oleh itu, para ulama bersepakat bahawa permissal anjing '*aqur*' yang ada dinyatakan dalam hadith adalah untuk mengisyaratkan gelaran "*fasiq*" kepada semua haiwan sama sifat yang mengganggu manusia dengan cara mengancam dan menyerang dengan gigitan taring dan gigi tajam seperti serigala, beruang, dubuk, harimau, buaya, jerung dan singa.

Kesimpulannya, semua haiwan yang memiliki sifat-sifat yang ditunjukkan anjing '*aqur*' adalah tergolong dalam kalangan haiwan fasiq yang harus dibunuh jika berbahaya dan terdapat ancaman.

Hal ini kerana haiwan perosak mempunyai persamaan dengan haiwan fasiq dari aspek menghadirkan mudarat, gangguan dan ancaman kepada manusia, haiwan ternakan, harta benda dan hasil tanaman.

Justeru, istilah haiwan perosak tidak berbeza dengan haiwan fasiq. Haiwan fasiq hanyalah istilah perumpamaan baginda SAW dalam memberi panduan untuk menentukan haiwan yang melampaui batas dan harus dihindari demi memelihara agama, nyawa, akal, harta benda dan keturunan umat Islam (Muhammad 'Abd al-Rahman bin 'Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, *t.t.*).

## Ulasan *Fiqh al-Hadith* Mengenai Anjing Sebagai Haiwan Perosak

### *Anjing Dan Sifatnya*

Anjing merupakan haiwan peliharaan popular dalam kalangan masyarakat selain kucing. Anjing terdiri dari pelbagai spesies dan warna. Deria bau, pendengaran yang tajam, bengis, tidur yang tidak pernah lena, penyayang dan bijak telah membuatnya bermanfaat bagi manusia.

Dikatakan manusia pertama menggunakan anjing sebagai pengawal ialah Nabi Nuh AS ('Ali bin Adam bin Musa al-Ityubi al-Wallawi, *t.t.*).

Berkenaan istilah yang merujuk kepada sifat anjing (fasiq atau perosak) yang berbahaya dan harus dibunuh, Nabi SAW menggunakan istilah "*al-Kalb al-'Aqur*"

bermaksud anjing liar yang menyerang dan menggigit (ganas). Justeru, para ulama berselisih pendapat tentang maksud sebenar "*al-Kalb al-'Aqur*."

Sebahagian mereka mengatakan singa, sebahagian mengatakan serigala dan sebahagian lagi mengatakan semua haiwan buas bertaring.

Imam Abu Hanifah pula berpandangan "*aqur*" yang dimaksudkan hadith adalah khusus kepada anjing, tidak ada haiwan yang memiliki sifat sepertinya kecuali serigala. Manakala Imam Malik berpendapat semua haiwan yang menggigit, menyerang dan menakutkan manusia seperti singa dinamakan '*aqur*'. Inilah pendapat yang menjadi pegangan jumah (Ibn Hajar al-'Asqalani, 2006).

Maksud "*al-Kalb al-'Aqur*" tidak terhad kepada anjing. Ia turut meliputi haiwan pemangsa lain misalnya serigala, beruang dan harimau yang memusuhi manusia secara semulajadi dan mengancam dengan taringnya. Pandangan ini turut disokong oleh Zayd Aslam, Sufyan al-Thawri, Ibn 'Uyaynah, Imam al-Shafi'i dan Imam Ahmad (Yahya bin Sharf Al-Nawawi, 1930).

Oleh itu, anjing dan haiwan ganas lain yang bersifat memusuhi, mengancam dan menyakiti manusia adalah termasuk dalam hukum *al-Kalb al-'Aqur*.

### *Pengharaman Anjing Dalam Islam*

Pengharaman anjing adalah pada memakan daging, bukan menyentuhnya. Oleh itu, mazhab Hanafi berpandangan anjing bukan najis kerana ia bermanfaat untuk pelbagai kegunaan. Hanya bahagian mulut, air liur, dan muntahnya dikira najis dan perlu dicuci dengan tujuh kali basuhan berdasarkan *nas*; (Wahbah al-Zuhayli, 1985)

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Hurayrah RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: "*Apabila anjing menjilat (minum) di dalam bekas kamu, maka (tumpahkan isinya) dan basuhlah ia sebanyak tujuh kali.*" [Hadith riwayat Muslim, Abu Dawud, al-Tirmidhi, al-Nasa'i dan Ibn Majah]

Menurut mazhab Maliki, anjing sama ada digunakan untuk tujuan berburu, mengawal ternakan atau sebaliknya adalah suci. Jika terdapat jilatan, titisan air liur atau kakinya masuk ke dalam bekas, hendaklah dicuci atas dasar mentaati perintah Nabi SAW. Mazhab al-Shafi'i dan Hanbali pula berpandangan anjing dan semua bahagiannya adalah najis (Wahbah al-Zuhayli, 1985).

Bagi pemelihara anjing, pahalanya akan berkurangan setiap hari. Ini berasaskan hadith;

Terjemahan: "*Seseorang yang memelihara anjing, maka amal seseorang itu akan berkurang, satu qirat setiap hari, kecuali anjing penjaga tanaman dan*

*penjaga haiwan ternak.*” [Hadith riwayat al-Tirmidhi]

Oleh itu, seseorang Muslim tidak boleh memelihara anjing di dalam rumah melainkan untuk keperluan keselamatan dan perburuan.

Syeikh Ahmad Kutty berpendapat anjing tidak boleh dipelihara kecuali bagi tujuan perburuan, anjing pemandu bagi orang kurang upaya, membantu penternakan haiwan, menjaga keselamatan rumah dan terlibat dalam proses penguatkuasaan undang-undang oleh polis dan kastam (Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab. Rahim, 2011). Hal ini kerana setiap sesuatu yang mengurangkan pahala adalah petunjuk kepada hukum haram.

Menurut Ibn Hajar, anjing haram dipelihara kerana; [Pertama] boleh menakutkan jiran, tetamu dan orang lalu lalang. [Kedua]: Mengurangkan pahala pembelanya. [Ketiga]: Keengganan malaikat masuk ke dalam rumah yang ada anjing.

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Ubaidillah bin ‘Abdillah katanya: dia mendengar Ibn ‘Abbas RA berkata: Aku mendengar dari Abu Talhah al-Ansari RA (Zaid bin Sahl bin Aswad) berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: “*Malaikat tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya ada anjing dan gambar yang menyerupai (sesuatu yang bernyawa).*” [Hadith riwayat al-Bukhari]

[Keempat]: Tabiat anjing yang suka menjilat dan kenajisan jilatan itu akan menyukarkan pembelanya (Ahmad bin ‘Ali Ibn Hajar al-‘Asqalani, 1986).

#### *Hukum Membunuh Anjing*

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Abd Allah Ibn ‘Umar RA, “*Sesungguhnya Rasulullah SAW telah memerintahkan supaya dibunuh anjing-anjing.*” [Hadith riwayat al-Bukhari, al-Tirmidhi, al-Nasa’i dan Ibn Majah]

Jika dilihat secara zahir, Nabi SAW telah memerintahkan agar dibunuh semua jenis anjing. Namun, perintah ini kemudiannya dimansuhkan melalui sabda berikut,

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Abd Allah bin Maghfal RA katanya: Rasulullah SAW bersabda: “*Kalaulah anjing bukan merupakan satu umat dari umatku, nescaya akan aku perintahkan supaya dibunuh semuanya, maka bunuhlah daripadanya setiap (anjing) yang hitam.*” [Hadith riwayat Abu Dawud]

Mengulas nas berikut, Abu Sulayman al-Khattabi berkata Islam tidak suka akan kepupusan sesuatu umat. Setiap makhluk memiliki peranan tersendiri dalam ekosistem (Yusuf al-Qardawi, 1997).

Menurut al-Khattabi lagi, “*anjing hitam*” merupakan perumpamaan bagi anjing jahat yang mengancam manusia (‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘as, 1997). Anjing hitam merupakan spesies anjing paling jahat dan buas (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Abadi, 1968). Hasil buruan anjing hitam juga tidak halal dimakan (‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘as, 1997). Malah, anjing hitam turut dikaitkan dengan syaitan. Ini berdasarkan hadith;

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abu Dhar RA katanya: “*Aku telah bertanya kepada Rasulullah SAW tentang anjing hitam, maka Rasulullah SAW bersabda: Itu adalah syaitan.*” [Hadith riwayat Ibn Majah]

Justeru, umat Islam tidak boleh membunuh semua jenis anjing. Hanya jenis “*anjing hitam*” dan seumpamanya sahaja yang perlu dibunuh (Safa al-Dawwi Ahmad al-‘Adawi, 1999). Jenis anjing lain perlu dibiarkan tanpa gangguan. Anak-anaknya yang tidak bersifat dengan sifat sedemikian (*al-‘aqur*) juga terkecuali dari kategori haiwan fasiq yang perlu dibunuh.

#### **Metode Interaksi Dengan Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak) Berasaskan *Fiqh al-Hadith***

Mengenal haiwan fasiq dan jenis seumpamanya merupakan piawai utama dalam hal ini. Haiwan fasiq (haiwan perosak) dikenalpasti berasaskan empat dasar utama iaitu:

[*Pertama*]: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas).

[*Kedua*]: Haiwan yang mengancam nyawa dan kesihatan manusia.

[*Ketiga*]: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan).

[*Keempat*]: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.

Memahami sifat-sifat haiwan fasiq, membolehkan langkah mengenalpasti, mencegah dan menangani ancaman kelompok haiwan perosak dan seumpama dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Ini sekaligus mengelakkan sebarang kekeliruan yang boleh menyebabkan kepupusan haiwan yang tidak terlibat dan menyumbang kepada ketidakstabilan ekosistem.

Allah SWT telah memberikan kebebasan untuk membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak). Namun, hak-hak haiwan perlu dipelihara. Semasa proses penyembelihan misalnya, umat Islam disuruh

melakukannya jauh dari pandangan haiwan lain dan begitu juga keadaan selepasnya. Ini bertujuan melatih manusia menghormati dan menghargai sesuatu jiwa.

Rasullullah SAW menggalakkan umatnya menunjukkan rasaimbang rasa terhadap haiwan, tidak memukul, tidak membiarkannya kelaparan, tidak melaga-lagakan haiwan sesama sendiri apatah lagi menzaliminya.

Mengetahui kaedah terbaik untuk berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) sekaligus menghilangkan mudaratnya pada manusia.

Metode terbaik diajarkan Nabi SAW ialah dengan cara membunuh. Malah, gelaran fasiq terhadap haiwan itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh (Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani, 2001). Hal ini berlandaskan kaedah fiqh *al-Darar Yuzal*, iaitu kemudaratn mesti dihapuskan (Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, 2000).

#### *Kaedah Membunuh Haiwan Perosak*

Islam menganjurkan umatnya supaya menggunakan cara paling ihsan dalam melaksanakan pembunuhan. Cara terbaik untuk membunuh kelompok haiwan tersebut ialah dengan satu kaedah asas dalam Islam iaitu dengan satu pukulan yang terus mematikan.

Hal ini dikiaskan dari cara membunuh cicak yang diajarkan Nabi SAW. Sekaligus dapat mengelakkan haiwan tersebut terseksa menanggung kesakitan sementara menunggu pukulan kedua (Abu 'Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Sanusi al-Hasani, t.t.; Muhammad bin 'Abd Rahman Ibn 'Abd Rahim al-Mubarakfuri, t.t.).

Sheikh 'Iz al-Din Ibn 'Abd al-Salam turut menyebutkan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik (Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-'Azim Abadi, 1968) bahkan menepati maqasid hadith Nabi SAW berikut,

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Shaddad bin Aws RA, sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda: “*Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan kepada semua perkara. Jika kamu membunuh, maka elokkan pembunuhan kamu (bunuh dengan sifat ihsan).*” [Hadith riwayat Muslim dan Abu Dawud]

Mengulas cara paling tepat membunuh haiwan fasiq, harus diteliti pada kaedah Saidatina 'A'ishah RA. Beliau menggunakan tombak dan lembing untuk membunuh cicak.

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Sa'id bin al-Musayyib RA, ada seorang perempuan (Ummu Sharik) datang kepada 'A'ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka 'A'ishah bertanya:

*"Untuk apakah lembing ini?'. Ummu Sharik pun menjawab: "Untuk membunuh cicak. Kerana Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya." [Hadith riwayat al-Nasa'i].*

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Sa'ibah Maulah Al-Fakih bin Al-Mughirah bahawasanya dia menemui 'Aisyah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya kepada 'A'ishah RA: “*Wahai Ummul Mu'minin, apa yang engkau lakukan dengan tombak ini?*”. 'Aisyah RA menjawab: “*Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami bahawa tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satu pun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang meniup-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya.*” [Hadith riwayat Ibn Majah].

Signifikannya, hal ini dilakukan agar urusan pembunuhan menjadi lebih baik ('Ali bin Adam bin Musa al-Ityubi al-Wallawi, 1996) sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam bagi menyembelih haiwan agar tidak menyeksakan dan kurang mendatangkan kesakitan.

Selanjutnya, Islam melarang membunuh haiwan dengan cara membakar, melemas, memberi makan makanan beracun atau cara lain berasaskan kekejaman. Ini berpandukan hadith riwayat Abu Hurayrah RA:

Terjemahan: “*Seorang nabi daripada nabi-nabi telah duduk dibawah sebatang pokok, dan seekor semut betina menggigitnya, maka baginda telah memerintahkan pengikutnya supaya keluar dari (kawasan) bawah pokok tersebut. Kemudian baginda memerintahkan supaya dibakar seluruh sarang semut tersebut dengan api, maka Allah SWT mewahyukan kepadanya: Adakah hanya kerana seekor semut betina?*” [Hadith riwayat al-Bukhari, Muslim dan Abu Dawud]

#### *Kaedah Memukul dan Menyembur Racun Pada Haiwan Perosak*

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Jabir RA berkata: “*Rasullullah SAW melarang memukul haiwan pada bahagian muka dan menyembur racun pada mukanya.*” [Hadith riwayat Muslim dan al-Tirmidhi]

Mengulas nas berikut, memukul haiwan pada bahagian muka adalah dilarang kerana kepala merupakan anggota tubuh yang lembut dan sensitif. Ijma' ulama turut mengharamkan semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) seperti keldai dan unta kerana menyiksa haiwan. Riwayat lain menyebut, baginda SAW pernah melaknat orang yang meracun himar (keldai) pada wajahnya (Yahya bin Sharf Al-Nawawi, 1969).

Bagi perbuatan menyembur racun pada wajah haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*) seperti semut dan kala jengking, Imam al-Nawawi menghukum makruh perbuatan tersebut. Imam al-Baghawi pula tetap tidak membolehkannya, dengan merujuk kepada laknat Nabi SAW yang menunjukkan pengharaman sesuatu perbuatan.

Kesimpulannya, menyembur racun pada muka haiwan berdarah (*al-Adami*) adalah haram. Semburan racun yang diharuskan Islam hanya pada anggota selain dari muka. Misalnya pada belakang badan unta dan lembu bertujuan membezakan haiwan ternakan. Inilah pegangan sahabat RA dan jumhur ulama. Namun, Imam Abu Hanifah tetap tidak membolehkannya dan menghukum makruh kerana menyeksakan haiwan (Yahya bin Sharf al-Nawawi, 1969).

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq jenis berdarah (*al-Adami*) perlu dielakkan. Kaedah seperti menembak dan memukul lebih berkesan terhadap kelompok tersebut. Hal ini kerana racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman haiwan.

Bagi haiwan tidak berdarah (*ghair al-Adami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh (Yahya bin Sharf al-Nawawi, 1969) dan tidak sampai kepada hukum haram. Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawawi dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan fasiq tidak berdarah (*ghair al-Adami*) yang kecil, licik dan sukar ditentukan bahagian yang ingin disembur racun.

#### *Kaedah Pemandahan dan Pemusnahan Habitat Haiwan Perosak*

Habitat haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal jauh dari manusia seperti kala jengking, ular, helang dan seumpama tidak boleh dimusnahkan. Hal ini kerana ia menjadi tempat tinggal anak-anak haiwan terbabit yang terkecuali dari hukum haiwan fasiq. Haiwan jenis ini lebih tertumpu mencari mangsa untuk dimakan, bersifat mementingkan kawasan dan jarang mengganggu manusia melainkan diancam atau kawasannya telah diceroboh.

Bagi spesies haiwan fasiq (haiwan perosak) yang tinggal di dalam atau berhampiran persekitaran manusia

sehingga menghadirkan gangguan dan ancaman kepada manusia seperti tikus, gagak, anjing dan cicak. Habitat tersebut wajib dimusnahkan dan anak-anaknya perlu dibunuh atau dipindahkan dari kediaman manusia.

#### *Kaedah Efektif Kontemporari Yang Selaras Dengan Tuntutan Syara'*

Bagi haiwan fasiq yang lebih besar dan tidak mungkin mati dengan satu pukulan seperti anjing, cara lain adalah diharuskan seperti menembak, memasang jerat, perangkap dan penggunaan pagar elektrik harus dilakukan jika berkesan menghindarkan gangguan makhluk perosak dengan syarat tiada unsur penyiksaan dan ikhlas kerana Allah SWT (Yahya bin Sharf al-Nawawi, 1969).

Oleh itu, metode lain adalah harus dilaksanakan sesuai dengan kemajuan teknologi semasa dalam interaksi manusia dengan haiwan fasiq (haiwan perosak).

Prinsip utama dalam interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) mestilah dijaga, iaitu membunuh bukan sekadar suka-suka, tetapi atas dasar masalah, ikhlas dalam perbuatan, tidak mengandungi unsur penyiksaan dan penganiayaan haiwan serta efektif. Islam mengutamakan perbuatan membunuh mana-mana haiwan tanpa keperluan. Hal ini dijelaskan menerusi hadith berikut;

Terjemahan: Diriwayatkan daripada 'Amru bin al-Sharid katanya, aku mendengar al-Sharid RA berkata: Aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "*Barangsiapa membunuh burung sia-sia, maka ia akan mengadu di hadapan Allah SWT nanti dengan berkata: "Ya Allah ya tuhanmu, si fulan telah membunuhku sia-sia dan bukan untuk manfaat."* [Hadith riwayat al-Nasa'i]

#### **Teknik Kawalan Khusus Terhadap Anjing Penyebar Wabak Rabies**

Berbalik kepada permasalahan anjing penyebar rabies yang mendapat perhatian di Malaysia sejak akhir-akhir ini, perlu diketahui rabies merupakan virus yang dapat menjelaskan otak dan sumsum tulang belakang semua mamalia, termasuk anjing, kucing dan manusia. Meskipun ia dapat dicegah, terdapat fakta yang membuatkan penyakit rabies ditakuti oleh orang ramai.

Menurut World Health Organization (WHO), pada setiap tahun, rabies menyebabkan kematian sebanyak 55,000 orang dan jutaan haiwan di seluruh dunia di mana 56% berlaku di Asia dan 44% di Afrika. Setelah gejala-gejala jangkitan rabies muncul, riwayat mangsa akan berakhir dengan kematian.



Tiada kaedah rawatan khusus untuk rabies. Pencegahan dan tindakan awal mendapatkan vaksin anti rabies adalah perlu untuk menyelamatkan nyawa (WHO, Rabies Surveillance, 5 Disember 2015; OIE, Rabies, 5 Disember 2015)

Manusia merupakan penyebab utama secara tidak langsung terhadap masalah penyebaran wabak rabies. Sikap pemilik yang hanya pandai membela haiwan peliharaan akan tetapi tidak memberikannya makanan, tempat tinggal atau membiarkan haiwan peliharaan seperti anjing dan kucing bebas merayau tanpa sekatan, tidak memberikan suntikan imunisasi pada haiwan jagaan setahun sekali dan memandang remeh tentang aspek kesihatan haiwan didapati menyumbang kepada masalah haiwan berkeliaran, mendorong interaksi haiwan terhadap manusia sekitar sekaligus memudahkan penularan wabak rabies.

Anjing liar yang bebas berkeliaran adalah antara penyebar utama rabies. Rabies boleh menjangkiti haiwan peliharaan dengan mudah melalui gigitan, air liur, cairan atau tisu tubuh dari haiwan yang dijangkiti. Ini seterusnya akan merisikokan manusia yang terdedah secara langsung kepada haiwan tersebut.

Jangkitan dan penyakit kulit turut boleh berlaku jika manusia tidak berhati-hati dengan air liur anjing. Kuman-kuman yang berasal daripada air liur anjing mampu meresap ke dalam kulit dan membentuk kudis dan calar-calar badan. Kajian juga membuktikan anjing adalah penyebab utama kanser payudara pada kebanyakan wanita di Eropah (Monika@Munirah Abd Razak, Nik Mohd Zaim Ab Rahim, 2011).

Justeru, hukum fasiq bagi anjing yang bersifat 'aqur (mampu mengancam, menyakiti dan memusuhi manusia dengan taring dan gigi) yang boleh dibunuh turut terpakai terhadap kalangan anjing yang menjadi penyebar atau telah dijangkiti wabak rabies yang terbukti berpotensi membawa maut kepada manusia. Hukum ini secara tidak langsung memberi panduan bagaimana menangani anjing ganas, galak, liar dan berpenyakit.

Bagi tujuan itu, Sheikh 'Atiyah Saqar, bekas pengerusi Majlis Fatwa Universiti al-Azhar, Mesir telah merumuskan hukum membunuh anjing seperti berikut:

1. Tidak boleh membunuh anjing yang terlatih untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan syara' seperti untuk keselamatan, jurupandu, penternakan dan seumpama.
2. Anjing yang tidak bermanfaat. Sekiranya berbahaya seperti mengancam kanak-kanak, menyebarkan wabak, penyakit atau mengganggu kejiranan, maka diharuskan membunuhnya bagi tujuan kawalan. Ini merupakan pendapat jumhur ulama.
3. Anjing yang tidak bermanfaat dan tidak memudaratkan. Para ulama berselisih pendapat sama ada harus atau haram membunuhnya.

Imam al-Haramayn mengecualikan anjing yang tidak memudaratkan dari dibunuh kecuali anjing hitam dan seumpama. Mazhab Maliki pula mengharuskan membunuh semua jenis anjing kecuali anjing yang bermanfaat kepada manusia.

Kesimpulannya, anjing perlu dibunuh jika mengandungi masalah (kebaikan) kepada manusia dan sebagai langkah menghindari kejahatannya. Makruh hukumnya jika membunuh anjing tanpa keperluan mendesak.

Anak-anak anjing yang tidak bersifat dengan sifat sedemikian (al-'Aqur) tidak termasuk dalam kategori haiwan fasiq dan perlu dibiarkan hidup (Abu 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abi Bakr al-Qurtubi, 2006).

Setakat ini, kaedah pelupusan, suntikan PTS (*Put to Sleep*) atau kawalan populasi (nama alternatif bagi pembunuhan) merupakan kaedah terbaik bagi mengawal wabak secara total.

Jika terdapat kaedah lain yang difikirkan efektif bagi tujuan pengawalan mengikut kaedah moden dalam menangani wabak rabies bawaan anjing seperti langkah penvaksinan, imunisasi, penangkapan dan kuarantin terhadap anjing seperti yang dicadangkan oleh WHO, maka tindakan tersebut boleh dilakukan.

### Kesimpulan

Islam bukanlah agama yang menganjurkan kekejaman dan meminggirkan hak-hak haiwan untuk hidup di muka bumi Allah SWT. Islam meraikan hak dan keperluan semua pihak selagi mana ia tidak melampaui batas. Selagi mana haiwan itu hidup, Islam meraikan kewujudannya. Begitu juga ketika mahu dicabut nyawanya, Islam mengajarkan cara yang paling ihsan untuk melakukannya. Hal ini perlu difahami dengan baik untuk menghindari sebarang bentuk salah faham terhadap Islam.

Menghilangkan kemudaratan pada sesama Islam dari segenap arah, termasuk ancaman haiwan fasiq adalah dalam ruang lingkup *amar ma'ruf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy mungkar*.

Kerjasama erat antara anggota masyarakat dapat menjamin keharmonian hidup. Bayangkan jika haiwan fasiq seperti anjing liar berpenyakit *Rabies* dibiarkan bebas tanpa kawalan, nescaya manusia tidak akan pernah tenteram (Mardzelah Makhzin, 2007).

Oleh itu, jelas apa yang diucapkan Nabi Muhammad SAW itu benar, tepat dan praktikal sepanjang zaman. Inilah harta paling bernilai kepada umat Islam. Hal ini kerana segala yang dianjurkan Rasulullah SAW berkait rapat dengan kesejahteraan manusia dan tidak terkecuali turut memelihara hak-hak

haiwan dari penindasan. Hasilnya dapat mewujudkan hubungan sesama makhluk yang lebih selamat dan harmoni.

### Rujukan

‘Ali bin Adam bin Musa al-Itayubi al-Wallawi, *Sharh Sunan al-Nasa’i al-Musamma Dakhirah al-Uqba fi Sharh al-Mujtaba* (Riyadh: Dar al-Mi’raj al-Dawlah lil Nashr, 1996), 24: 390-391

‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘as, *Sunan Abu Dawud wa Mu‘alim al-Sunan* (Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm, 1997), 3: 182.

Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194.

Abu ‘Abd Allah Abu ‘Isa al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li Nashr wa al-Tawzi’, 1996), 33

Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Ahmad bin Abu Bakr al-Qurtubi, *Al-Jami’ li Ahkam al-Qur’an*, (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah, 2006), 8: 184.

Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Isma‘il al-Bukhari, “Al-Jami’ al-Musnad Min Hadith Rasullillah wa Sunanilah wa Ayyamih,” dalam *Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-Aziz Al al-Syakh (Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tauzi’, 2000), 267.

Abu ‘Abd Allah Muhammad bin Muhammad bin Yusuf al-Sanusi al-Hasani, *Mukammil Ikmal al-Ikmal Sharh Sahih Muslim* (Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiah, t.t.), 3: 312.

Abu ‘Abd Rahman Ahmad bin Shu’aib bin ‘Ali al-Nasa’i, *Sunan al-Nasa’i* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘arif li al-Nashr wa al-Tawzi’, 1988), 18-19; 60-61, dan Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘arif lil Nashr wa al-Tawzi’, 1986), 81-82.

Abu al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj al-Qushairi al-Naysaburi, “Sahih Muslim,” dalam *Mawsu‘at al-Hadith al-Sharif al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin ‘Abd al-Aziz Al al-Shaykh (Riyadh: Dar al-Salam li Nashr wa al-Tawzi’, 2000), 726

Abu al-Tayyib Muhammad Syams al-Haq al-‘Azim Abadi, *Aun al-Ma‘bud Sharh Sunan Abu Dawud* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 300.

Abu Dawud Sulayman bin al-Ashath al-Sajistani, *Sunan Abu Dawud* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma ‘arif lil Nashr wa al-Tawzi’, 1988), 18

Al-Fayruz Abadi, *al-Qamus al-Muhit* (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1998), 131

Anne Hillyard et al., *Endangered Wildlife and Plants of the World* (New York: Marshall Cavendish Corporation, 2001), 456.

Dr. Keith Brown et al., *Oxford Student’s Dictionary of English* (Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd, 2007), 196.

Ibn Hajar al-‘Asqalani, *Fath al-Bari bi Sharh Sahih al-Bukhari*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 204.

Ibn Majah al-Qazwayni, *Sunan Ibn Majah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘arif lil Nashr wa al-Tawzi’, 1986), 606.

Ibn Manzur, *Lisan al-‘Arab* (Kaherah: Dar al-Hadith, 2003), 12: 134, dan al-Fayruz Abadi, *al-Qamus al-Muhit* (Beirut: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1998), 131.

Kamus Dewan Online, laman sesawang Pusat Rujukan Persuratan Melayu (PRPM), dicapai pada 20 September 2013, <http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=haiwan+perosa>

Kedah Catat 18 Kes Gigitan, 2 Babit Anjing Gila, di laman sesawang *Mynewshub.cc* pada 22 September 2015.

Laman Sesawang Office International des Epizooties (OIE), Rabies, dicapai pada 5 Disember 2015

Mardzelah Makhsin, *Sains Pemikiran Dan Etika* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2007), 256.

Marion Nestle dan Malden C. Nesheim, *The Authoritative Guide to Feeding your Dog and Cat, Feed your Pet Right* (New York: Free Press, 2010), 327.

Mohd Farhan Md Ariffin (2015), “Analisis Hadith Mengenai Haiwan Fasiq dalam *Al-Kutub Al-Sittah*: Kajian Terhadap Persepsi Masyarakat Melayu Di Daerah Pengkalan Hulu, Perak” (Disertasi Ijazah Sarjana, Jabatan al-Qur’an dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).

Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulieman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 518.

Muhammad ‘Abd al-Rahman bin ‘Abd al-Rahim al-Mubarak Furi, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharh Jami’ al-Tirmidhi*, (t.tp., Dar al-Fikr lil Tabā‘ah wa al-Nashr wa al-Tawzi’, t.t.), 3: 576.

Penyakit Anjing Gila Masih Terkawal - Dr Hilmi, di laman sesawang *Mynewshub.cc* pada 23 September 2015.

Penyakit Anjing Gila Masih Terkawal, di laman sesawang *Mynewshub.cc* pada 23 September 2015.

Ruth Berman, *My Pet Dog* (USA: Lerner Publications Company, t.t.), 53.

Safa al-Dawwi Ahmad al-‘Adawi, *Ihda’ al-Dibajah bi Sharh Sunan Ibn Majah* (t.tp., Maktabah Dar al-Yaqin, 1999), 4: 383-384.

Status Wabak Kes Penyakit *Rabies* Di Perlis, Kedah & Pulau Pinang, di laman sesawang *Mynewshub.cc* pada 18 September 2015.

Tunku Iskandar et al., *Kamus Dewan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka, 1970), 33.

Wahbah al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* (Beirut: Dar al-Fikr al-Mu‘asir, 1985), 1: 153.

World Health Organization (WHO), Rabies Surveillance, dicapai pada 5 Disember 2015

Yahya bin Sharf Al-Nawawi, *Al-Minhaj Sharh Sahih Muslim* (Mesir: Dar Ihya’ al-Turath al-‘Arabi, 1930), 14: 97.

Yusuf al-Qardawi, *Fiqh Peradaban Sunah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan* (Surabaya: Dunia Ilmu, 1997), 186.

Jadual 1: Perkaitan Haiwan Fasiq Dengan Haiwan Perosak Masa Kini

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
Tikus	Pengotor Pembawa penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman	Lipas Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
Kala Jengking	Berbisa Memudaratkan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
Burung Gagak	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Mengganggu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
Burung Helang	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun
Anjing	Bengis Pembawa Penyakit (contoh: <i>Rabies</i> ) Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Boleh menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
Ular	Berbisa Memusuhi manusia Boleh menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitan dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bis tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
Cicak	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Suka membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria	Virus Bakteria Pijat Kutu

Jadual 2: Pendekatan Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq (Haiwan Perosak)

